

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS
(JERANTUT)**

TARIKH : 29 OKTOBER 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 18

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kementerian akan meneruskan pelaksanaan mod pengangkutan e-Hailing yang menggunakan motosikal dan adakah kajian kebolehlaksanaan telah dijalankan terutama yang menyentuh isu keselamatan penunggang.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan pada masa ini sedang dalam proses membangunkan rangka perundangan dan syarat-syarat perkhidmatan bike-hailing (menyediakan perkhidmatan pengangkutan awam dan barangan menggunakan motosikal). Proses kajian ini dijangka akan dimuktamadkan selewat-lewatnya pada akhir tahun ini. Kementerian akan memaklumkan semula mengenai rangka perundangan dan syarat-syarat perkhidmatan apabila proses kajian berkenaan telah dimuktamadkan serta setelah mendapat persetujuan daripada Jemaah Menteri.

Sekian, terima kasih.